

(b) Pengukuran dan Penilaian

- (i) Perubahan kerja hendaklah diukur dan dinilai seberapa segera yang mungkin, kecuali jika sifat kerja hanya membolehkan ianya diukur dengan tepat setelah kerja siap dilaksanakan.
- (ii) Jika kerja tersebut boleh diukur dengan tepat dari lukisan-lukisan, ianya mesti diukur dari lukisan-lukisan, jika tiada lukisan pengukuran dibuat dari apa maklumat apa maklumat yang ada seberapa yang boleh.
- (iii) Jika kerja tersebut boleh diukur dengan tepat hanya setelah kerja dilaksanakan dan kerja tersebut akan ditutup apabila siap, ianya hendaklah diukur dan rekod-rekod terperinci mengenainya mesti disimpan semasa pelaksanaan kerja tersebut.
- (iv) Jika kerja tidak dapat diukur dan/atau dinilai, P.P. boleh menggunakan kadar harga kerja harian sebagaimana yang dilampirkan di dalam Kontrak, sebagai asas penilaian perubahan kerja. rekod masa bagi buruh dan loji yang digunakan mesti disemak dan dipersetujui dengan Kontraktor atau wakilnya yang sah setiap hari.
- (v) Tiap-tiap butiran perubahan kerja mesti diukur di bawah tajuk yang sesuai. Tajuk tersebut hendaklah sama dengan huraian perubahan kerja didalam Borang JKR-KPK. Pergabungan butiran-butiran perubahan kerja adalah dilarang.
- (vi) Jika harga atau kadar-kadar harga di dalam Kontrak digunakan, ianya hendaklah dirujuk di dalam Senarai Kuantiti atau Jadual Kadar Harga dalam Kontrak. Perhatian hendaklah juga diberikan terhadap sebarang pelarasan peraturan pada harga atau kadar kadar harga yang berkenaan. Kaedah yang lain seperti pro-rata hendaklah digunakan terhadap harga atau kadar-kadar harga yang berasal daripada harga atau kadar -kadar harga dalam Kontrak.